



TEKS UCAPAN ALUAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI IBU DAN BAPA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2018**

26 JUN 2018 (SELASA)

**DEWAN 2020, KANGAR,
PERLIS INDERA KAYANGAN**

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera**

Mengadap Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalulail, Tuanku Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Tuanku Raja Perempuan Perlis serta mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun Tuanku beribu-ribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun.

1. Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzimnya, patik sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merafakkan setinggi-tinggi Kesyukuran ke hadrat Allah subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, patik dan sekalian hadirin dapat berkumpul bagi meraikan keberangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Berdua berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Ibu dan Bapa di Dewan 2020 pada petang yang mulia ini.

2. Sesungguhnya kesudian keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku berdua ke majlis ini menunjukkan keprihatinan Tuanku terhadap persekitaran keluarga hari ini yang

sangat-sangat memerlukan sokongan semua pihak bagi memastikan kesejahteraan sejagat sama ada dalam negeri Perlis mahupun negara keseluruhannya.

Ampun Tuanku,

3. Pada kesempatan ini juga patik menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Raja Puan Muda Perlis.
4. Keberangkatan Duli-duli Tuanku telah menyerikan lagi Majlis ini. Sesungguhnya patik yakin ia akan terus menjadi ingatan kepada warga kerja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta seluruh agensi di bawahnya.

Ampun Tuanku,

5. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik mohon izin dan perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang turut menyerikan majlis ini.

Ampun Tuanku,

BISMILLAHIRAHMANI RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

SELAMAT PAGI DAN SALAM SEJAHTERA

SALUTASI (AKAN DISEDIAKAN)

MUKADIMAH

6. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama bertemu dalam satu majlis yang cukup bermakna pada petang ini. Saya ingin menyembahkan ucapan menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Perempuan Perlis diiringi Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Raja Puan Muda Perlis yang berangkat mencemar duli untuk menyempurnakan **Majlis Perasmian Sambutan Hari Ibu dan Bapa Peringkat Kebangsaan 2018**, pada hari ini.
7. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), dengan kerjasama pelbagai agensi di peringkat pusat dan negeri serta syarikat swasta dalam menjayakan majlis sambutan yang meriah ini.
8. Terima kasih juga kepada semua jemputan dan hadirin kerana sudi meluangkan masa bersama-sama dalam majlis hari ini. Sesungguhnya, kehadiran anda amat bermakna dalam kita meraikan para ibu dan bapa di seluruh negara sebagai menghargai jasa dan pengorbanan mereka dalam membangunkan institusi kekeluargaan di Malaysia. Adalah diharapkan majlis seumpama ini dapat menyemarakkan lagi hubungan kekeluargaan sedia ada serta

memberi kesedaran kepada kita semua dalam memelihara institusi kekeluargaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PERANAN IBU DAN BAPA

9. Dari perspektif sosiologi, peranan ibu secara tradisi dan budaya masyarakat adalah untuk mendidik dan membesarkan anak-anak di bawah jagaannya. Kita semua tahu dan mengiktiraf akan besarnya pengorbanan yang ibu berikan dan tidak tergambar dengan kata-kata. Bak kata pepatah, ‘kasih ibu membawa ke syurga’, begitulah tinggi dan hebatnya kedudukan ibu dalam kehidupan kita. Kasih sayang dan cinta yang luhur seorang ibu memberi kesan yang sangat besar dalam kehidupan anak-anaknya, yang tak terbalas pengorbanannya meskipun dengan segunung emas mahupun selautan intan permata. Walau seberat mana sekalipun tanggungjawab yang digalasnya, ibu tidak pernah mengeluh! ibu juga tidak mengharap apa-apa balasan daripada anak-anaknya.

10. Bapa juga adalah individu yang sangat penting dalam kehidupan kita semua. Selepas ibu, bapa merupakan orang yang bertanggungjawab dalam membesar dan mencorakkan kehidupan awal anak-anak. Bapa juga adalah pejuang yang tidak pernah kenal erti lelah, membanting tulang siang dan malam demi mendapatkan sesuap nasi dan rezeki yang halal untuk keluarga tercinta. Meskipun kehadiran seorang bapa atau ayah atau apa juapanggilannya, mungkin tidak selembut belaian seorang ibu, namun ketegasan seorang bapa akan membentuk sahsiah diri anak-anak. Bapa menjadi tonggak sebagai punca pendapatan utama, ketua

keluarga dan pelindung anak-anak, demikian adalah antara peranan dan tanggungjawab utama bapa dalam membangunkan keluarga yang bahagia.

11. Kedudukan ibu dan bapa diletakkan sangat tinggi di sisi agama. Memetik ayat dari surah Luqman ayat 14:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusuinya), dan menjaganya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua orang tuamu, hanya kepada-Kulah kembalimu."

Berdasarkan ayat ini, jelaslah Islam memberi kedudukan yang sangat istimewa kepada ibu bapa dan sentiasa mengingatkan manusia akan jerih payah yang ditanggung sepanjang membesar kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

CABARAN DALAM PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN

12. Menjadi ibu bapa pada zaman moden dan pesat membangun ini bukanlah suatu tugas yang mudah. Para ibu bapa hari ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan dalam usaha membesar, mendidik dan membentuk sahsiah diri anak-anak mereka. Peringkat yang sukar dan getir bagi ibu bapa ialah ketika anak-anak mula beralih dari zaman kanak-kanak kepada remaja iaitu anak-anak akan mula menunjukkan perubahan dari segi

tingkah laku, pergaulan, minat, pemilihan kawan, cara gaya berpakaian dan lain-lain.

13. Di peringkat inilah anak-anak akan mudah terpengaruh dengan tekanan luar disekelilingnya termasuk pengaruh-pengaruh buruk yang pastinya menggusarkan setiap ibu bapa. Situasi ini selaras dengan hasil penemuan Kajian Penduduk dan Keluarga ke-Lima (KPJM-5) yang dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2014, masalah disiplin remaja adalah antara tiga cabaran utama yang dihadapi ibu bapa selepas perbelanjaan pendidikan anak dan perbelanjaan keperluan keluarga.
14. Dalam pada itu, perubahan masyarakat menampakkan perubahan besar dewasa ini. Wanita zaman sekarang hebat-hebat belaka. Seperti yang kita sedia maklum, penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan kian meningkat saban tahun. Statistik menunjukkan penyertaan tenaga buruh wanita dalam pasaran kerja telah meningkat dari 46.5% pada tahun 2010 kepada 54.7% pada tahun 2017. Ini menunjukkan bahawa semakin ramai wanita terlibat dalam aktiviti pekerjaan bagi membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup diri dan keluarga.
15. Namun begitu, keadaan ini telah memberi impak dan cabaran baru kepada golongan wanita khususnya kaum ibu. Penemuan KPJM-5 menunjukkan bahawa terdapat 1 daripada 5 wanita bekerja (18.7%) mengalami masalah untuk mengimbangi peranan mereka di antara kerjaya dan keluarga. Antara masalah utama mereka adalah meluangkan masa bersama keluarga, penjagaan anak dan kurang masa untuk diri sendiri.

16. Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2016 juga mendapati tahap hubungan kekeluargaan di Malaysia masih berada pada tahap yang sederhana iaitu skor kurang dari 8.0 (daripada skala maksimum 10). Kurang masa berkualiti bersama keluarga danimbangan kerja-keluarga yang tidak seimbang adalah antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini.
17. Menyedari hakikat perubahan dalam cabaran dan keperluan keluarga pada masa kini, saya sendiri akan mempengaruhi Majlis Penasihat dan Perundingan Kesejahteraan Keluarga Negara (MPPKKN) pada Ogos ini. MPPKKN ini akan bertindak sebagai badan penasihat dan perunding utama kepada kerajaan mengenai isu-isu keluarga dan perkara-perkara lain yang dirujuk selaras dengan Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Keluarga Negara.
18. Fungsi MPPKKN adalah untuk meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosioekonomi termasuk penguatkuasaan undang-undang, dasar dan perkhidmatan serta kemudahan mesra keluarga.

Hadirin yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN HARI IBU DAN BAPA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

19. Untuk makluman semua, sambutan Hari Ibu dan Bapa Peringkat Kebangsaan 2018 yang bertemakan "**Ibu dan Bapa Anugerah Terindah**" adalah pertama kali digabungkan kerana sebelum ini

ia disambut secara berasingan. Justeru itu saya ingin mencadangkan mulai tahun ini hanya satu hari akan menjadi sambutan Hari Ibu bapa dan tidak lagi diasingkan. Ini bagi menghargai komitmen ibu dan bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak. Kesungguhan dan komitmen inilah yang membentuk sebuah keluarga yang bahagia dan sejahtera. Sehubungan itu, minggu pertama Julai setiap tahun akan menjadi minggu sambutan Hari Ibu bapa mengikut peringkat masing-masing.

20. Sepertimana umum sedia maklum, perubahan landskap sosial hari ini menuntut penglibatan bersama antara ibu dan bapa dalam mendidik dan membesarkan anak-anak. Jika satu ketika dahulu peranan mendidik anak digalas oleh ibu manakala, peranan mencari rezeki tersandar di bahu bapa adalah perkara biasa. Namun, dengan cabaran isu semasa baik dari aspek sosial maupun ekonomi, aturan sebegini sudah tidak relevan lagi. Kedua-dua pihak - ibu dan bapa perlu berganding bahu bagi melahirkan generasi muda yang lebih bertoleransi dalam mencapai kesaksamaan gender.
21. Sambutan Hari Ibu dan Bapa pada tahun ini memberi fokus kepada pengukuhan institusi kekeluargaan melalui aktiviti-aktiviti interaktif kekeluargaan bagi mendidik pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu, dalam sambutan kali ini, aktiviti "**Art Therapy**" terpanjang bertemakan "**Therapeutic Expressive Arts Inspiration for Mom and Dad**" akan menjadi tumpuan utama dalam usaha kita menjalankan ikatan kasih sayang yang erat antara ibu, bapa dan

anak. Aktiviti ini akan tercatat dalam ***The Malaysia Book of Record.***

Para hadirin sekalian,

HARAPAN

22. Sempena sambutan Hari Ibu dan Bapa ini, marilah bersama-sama kita menghargai jasa dan pengorbanan insan yang bergelar ibu dan bapa. Tidak hanya meraikan mereka pada hari ini sahaja, malah pada setiap masa tidak kira sama ada mereka masih bersama kita atau tidak. Hargailah mereka walaupun hanya melalui perbualan telefon, ucapan sayang, pelukan, ciuman keluarga dan ingatan kepada mereka. Hulurkan bantuan kepada ibu bapa di saat mereka memerlukan serta sentiasa berdoa akan kesejahteraan mereka. Penghargaan ini perlu sentiasa diberikan kepada ibu bapa kerana merekalah anugerah terindah yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada setiap anak.
23. Sebelum saya menutup bicara, ingin saya kongsikan serangkap dua pantun sebagai tanda penghargaan saya kepada ibu dan bapa luar sana:

***Negeri Perlis indah dan makmur,
Menjadi kebanggaan seantero rakyat.
Kami ke mari bukan berhibur,
Meraikan ibu dan bapa itulah hasrat.***

***Negeri kecil bukan biasa-biasa,
Indera kayangan sebutan alam,
Terima kasih di mulut sentiasa,
Jasamu ibu dan bapa serentang lautan dalam.***

Ampun Tuanku,

24. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga KPWKM ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli Tuanku berdua kerana sudi mencemar duli berangkat hadir ke majlis ini. Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.